

17 APRIL 2018

Cekup pemandu lori token dadah

Cekup pemandu lori token dadah

Kuala Lumpur: Seorang pemandu lori tidak menyangka menerima kunjungan 'tetamu' di kediamannya pada awal pagi, sebelum dia diberkas kerana memiliki dadah.

Suspek berusia 29 tahun itu diberkas di kawasan pangsapuri berhampiran Taman Melati, Wangsa Maju, di sini, jam 1 pagi semalam.

Pemeriksaan mendapati lelaki berusia 29 tahun itu memiliki dadah syabu dianggarkan seberat 52.33 gram dan bernilai lebih RM4,000.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Mohamad Roy Suhaimi Sarif berkata, suspek ditahan sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BSJND) Wangsa Maju.

"Maklumat yang kami terima mendapati suspek terbabit dengan aktiviti dadah sebelum pasukan polis membuat intipan di

pangsapuri di Taman Melati.

"Kami mengenal pasti suspek menunggang motosikal di kawasan pangsapuri sebelum menahannya dan melakukan pemeriksaan," katanya.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan menemui empat pekot plastik lutsinar berisi bahan disyaki dadah syabu dan wang tunai RM121 dari dalam poket kanan hadapan seluar suspek.

"Pemeriksaan mendapati suspek bekerja sebagai pemandu lori dan berasal Seri Kembangan, Selangor.

"Suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar dadah.

"Bagaimanapun, ujian awal air kencing terhadap suspek didapati negatif dadah," katanya.